

## Acara Kebudayaan FPEP UMS dimeriahkan Pelajar Mobiliti Antarabangsa

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 06 Disember 2019 15:30 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 3

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Share



**JUMAAT, 6 DISEMBER** - Acara Kebudayaan (Cultural Event) anjuran Program Pengurusan Pelancongan, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) berlangsung gilang-gemilang di sini, kelmarin.

Program yang melibatkan pelajar mobiliti antarabangsa dari Thailand, China dan Gabon serta beberapa tetamu disambut meriah Kursus Budaya dan Warisan Pelancongan.

Pensyarah Kursus berkenaan merangkap penganjur, Roseni Ariffin berkata, pelbagai

persembahan kebudayaan dipersembahkan termasuk nyanyian dan tarian.

“Antara persembahan tarian yang disukai oleh para pelajar mobiliti antarabangsa adalah Sumazau, Ngajat, Hula Dance dan Bollywood. Ia dimeriahkan lagi dengan persembahan lagu-lagu popular tempatan masa kini.

“Selain itu, program ini turut menyajikan makanan berkonsepkan tradisional seperti ambuyat, kari ayam, hinava, pinasakan, acar, basung goreng, linopot, sambal belacan, kangkung belacan, buah tembikai dan minuman beraneka jenis,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Menurut Roseni, dalam acara tersebut para pelajar yang berasal daripada pelbagai latar belakang turut mengambil bahagian termasuk dalam persembahan tarian dan nyanyian.

Katanya, para pelajar Thailand dan China juga turut serta membuat persembahan.

“Konsep seumpama ini dapat memupuk minat para pelajar mobiliti antarabangsa untuk lebih gemar dan menghayati keunikan etnik kaum di Malaysia, khususnya di Sabah,” jelasnya.

Seramai 64 orang pelajar menjayakan program tersebut yang turut dihadiri Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Dr. Raman Nordin, dan Pemangku Dekan FPEP, Dr. Arif Kamisan Pusiran.

Hadir sama Penyelaras pelajar mobiliti antarabangsa FPEP, Datu Razali Datuk Datu Hj. Eranza, dan Andy Lee Chen Hiung; Pengarah Program Cultural Event, Hasnoniaty Rudding.